

TAHAP KEFAHAMAN DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN BATAS AURAT DAN PERGAULAN DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK MELAKA

Mohd Faizal Mat Pesa¹, Tuan Mohd Azhar Tuan Ngah¹ & Nurul Sa`adah Mohyeddin²

¹Politeknik Melaka

²Sekolah Kebangsaan Serkam

*Pengarang Pengantara: mfaizal@polimelaka.edu.my

Abstrak

Amalan menutup aurat merupakan perintah Allah yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Bukan sekadar mengetahui akan hukumnya tetapi ia juga perlu kepada penghayatan dan kesedaran akan pelaksanaannya dalam kehidupan. Ada yang berpendapat aurat hanya perlu ditutup ketika berada di dalam solat, manakala sebahagian lagi mengabaikannya apabila berada di luar solat. Kajian ini melibatkan 108 orang pelajar Politeknik Melaka bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman dan faktor-faktor yang mendorong kepada amalan batas aurat dan pergaulan. Min, kekerapan dan peratusan digunakan untuk menerangkan kajian berbentuk deskriptif ini. Perisian SPSS 25.0 digunakan untuk menganalisis data tinjauan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap amalan menutup aurat dan pergaulan secara keseluruhan adalah sangat tinggi iaitu dengan skor min 4.67. Faktor keluarga dengan min 4.78 merupakan faktor yang paling besar kesannya terhadap amalan menutup aurat dan pergaulan pelajar, manakala faktor pensyarah paling sedikit memberi impak iaitu min 4.46. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan bahan bacaan panduan kepada ibu bapa dan pihak pentadbiran Politeknik khususnya untuk menjalankan peranan masing-masing dalam melahirkan pelajar yang dapat memahami amalan menutup aurat dengan baik dan mengamalkannya secara konsisten sepanjang hayat bagi melahirkan generasi yang berkualiti, beriman dan bertakwa.

Kata Kunci: Aurat; Pelajar Politeknik; Tahap Kefahaman.

1.0 Pengenalan

Islam adalah agama yang syumul merangkumi segenap aspek kehidupan manusia dan dijadikan sebagai panduan cara hidup manusia. Menurut Mahyuddin (1996), tauhid merupakan asas kewujudan manusia di dunia ini. Segala yang dilarang dalam Islam adalah bermanfaat bagi manusia. Ini kerana Islam adalah agama yang ideal sehingga hari kiamat dan kita semua adalah makhluk dan hamba Allah, orang yang beriman mahupun yang kafir wajib berserah diri kepada Allah dan mengikut syariat dan peraturannya (Asmawati Suhid, 2009).

Kewajipan menutup aurat merupakan salah satu perintah yang dibincangkan dalam kajian ini. Menutup aurat adalah amalan yang bertujuan membantu menjaga kehormatan dan maruah serta mencegah dosa dan kemungkaran. Al-Quran memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang panduan menutup aurat. Berikut adalah beberapa firman Allah yang bermaksud:

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.”
(Surah an-Nur:31)

Ayat diatas dengan jelas menerangkan kewajipan menutup aurat bagi wanita, tetapi persoalannya mengapakah masih ada sesetengah wanita hari ini masih tidak menutup aurat? Hal ini disebabkan terpengaruh dengan fesyen pakaian dan perhiasan muslimah yang pelbagai gaya dan rekaan (Nozira Salleh,2021).Selain itu, tidak dinafikan masih ramai pelajar wanita hari ini mengabaikan prinsip menutup aurat dan meremehkannya (Abdullah dan Norliza,2010).Selain itu juga, sebahagian pelajar kurang memahami konsep dan tuntutan menutup aurat yang sebenar menurut Muhamad Zahiri et.al. (2017).Ini menunjukkan masyarakat kita seolah-olah masih keliru bagaimana tatacara menutup aurat sebenarnya. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar tentang amalan batas aurat dan pergaulan sebagaimana yang dianjurkan dalam agama Islam.

Konsep aurat khususnya dikalangan wanita amat luas jika dilihat dari aspek batasannya.Antaranya aurat di dalam solat atau di luar solat,di tempat tertutup atau terbuka,di depan mahram,di hadapan perempuan muslim,bersama perempuan bukan Islam dan di hadapan lelaki bukan mahram. Perkataan aurat dalam bahasa melayu berasal daripada perkataan Arab "aurah".Menurut Ibnu al-Manzur (1994) istilah aurat mempunyai pelbagai makna, salah satunya ialah "aurat" (al-saulat). Selain itu ia memberi maksud malu (Muhammad Abdul Aziz, 2009). Manakala istilah fiqh pula mentakrifkannya sebagai kawasan badan yang perlu disembunyikan atau terlindung daripada pandangan oleh seseorang yang bukan mahram.Selain itu,dalil perkataan aurat yang merujuk kepada masa atau keadaan yang

boleh memalukan, iaitu seperti dalam firman Allah yang bermaksud:

"Hai orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki dan mereka yang belum baligh di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) iaitu sebelum sembahyang subuh ketika kamu menanggalkan pakaian (luar) mu, di tengahari dan sesudah sembahyang isyak (itulah) tiga aurat bagi kamu. "

(Surah an-Nur:58)

Manakala dalil dalam hadis nabi pula antaranya yang bermaksud:

"Sesiapa yang di dunia ini menutup kemaluan mana-mana orang Islam, Allah akan melindunginya (daripada apa-apa yang memalukan) di hari kiamat."

(Riwayat Ahmad)

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan daripada dalil-dalil al-Quran dan hadis di atas bahawa aurat mempunyai dua pengertian: pertama ialah pengertian khusus yang merujuk kepada aspek "kemaluan" dan fizikal yang berkaitan dengannya, dan kedua ialah pengertian umum yang merangkumi apa-apa yang dilihat sebagai tidak menyenangkan apabila terdedah kepada orang lain, sama ada bersifat moral atau fizikal.

1.1 Objektif kajian

Objektif kajian yang ditetapkan adalah:

- i. Mengenalpasti tahap kefahaman pelajar tentang amalan batas aurat dan pergaulan mengikut syariat Islam.
- ii. Menganalisa faktor pendorong seperti Ibu bapa, diri sendiri, rakan-rakan dan pensyarah terhadap amalan batas aurat dan pergaulan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka.

2.0 Sorotan Kajian

Kewujudan dan penguatkuasaan etika pemakaian pelajar di dalam kampus Politeknik adalah baik dan boleh mendisiplinkan para pelajar. Hal ini termasuklah pelajar muslim wajib menutup aurat mengikut syariat Islam (Buku Peraturan dan panduan Am pelajar Politeknik Sultan Idris Shah, 2021). Namun etika pemakaian ini hanya dipatuhi apabila pelajar berada di dalam kampus pengajian sahaja dan mengabaikannya jika di luar kampus. Hal ini disebabkan majoriti masyarakat sedar tentang kewajipan menutup aurat namun pengamalan mereka berbeza daripada kenyataan(Farahwahida dan Nurafzan,2010). Sekiranya etika pemakaian ini tidak dikuatkuasakan nescaya akan ada pelajar perempuan muslim yang akan hadir ke kuliah dengan berpakaian ketat,nipis dan jarang. Manakala pelajar lelaki pula akan datang ke kuliah dengan berseluas pendek. Kadangkala disebabkan fesyen pakaian dan perhiasan muslimah yang pelbagai gaya dan rekaan menyebabkan mereka tersasar daripada mematuhi etika pakaian mengikut syariat (Nozira Salleh,2021).

Sebilangan kecil pelajar juga mengabaikan perintah menutup aurat kerana mereka beranggapan ia adalah perkara yang meremehkan. Majoriti pelajar

sedar tentang kewajipan mereka untuk menutup aurat, namun mereka memilih untuk tidak berbuat demikian. Malahan ada sebahagian pelajar kurang memahami konsep dan tuntutan menutup aurat yang sebenar menurut Muhamad Zahiri et.al. (2017). Kebanyakkan pelajar yang menutup aurat kerana sudah menjadi kebiasaan umat Islam melakukannya dan bukannya kerana mereka percaya menutup aurat itu dituntut oleh Islam. Hal ini berpunca daripada ibu bapa yang kurang menitikberatkan pendidikan agama terutama berkaitan cara berpakaian yang sepatutnya mengikut Syariah (Abdullah dan Norliza,2010). Masalah ini turut berlaku di Politeknik Melaka. Terdapat pelajar yang menutup aurat dengan tidak sempurna contohnya ada yang memakai tudung tetapi bajunya terlalu ketat atau nipis, ada juga pelajar perempuan yang memakai tudung tetapi bajunya berlengan pendek manakala pelajar lelaki pula ada yang memakai baju yang ketat dan nipis. Oleh itu, pensyarah perlu bertanggungjawab dalam hal ini dengan memainkan peranan dengan memberi pendedahan dan menasihati para pelajar berkaitan batas aurat dan adab pergaulan dalam kehidupan (Nur`Izzah dan A`dawiyah,2018).

Faktor diri sendiri lebih bersifat dominan mempengaruhi pelajar jika dibandingkan faktor pengaruh rakan-rakan dan persekitaran dalam aspek pergaulan sosial sepetimana dalam kajian yang telah dilaksanakan di Sekolah Tunas Bakti Sg Lereh Melaka (Zainuddin dan Norasmah,2011). Antara kajian-kajian lepas menunjukkan tahap pengetahuan pelajar tentang amalan menutup aurat pada tahap tinggi antaranya pengkaji seperti Roslinda Sabiran (2007) persepsi pelajar darjah khas sekolah agama Bandar Penawar terhadap amalan menutup aurat, kajian Asmawati Suhid et al. (2013) tahap pengetahuan yang dimiliki pelajar IPTA berkenaan konsep menutup aurat, Mohd Azlan (2016) kajian batas aurat dan pergaulan sosial di Kolej Matrikulasi Kedah dan kajian Faiz Shahrin (2018), mengenai tahap kefahaman pelajar tentang menutup aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet sukan sekolah-sekolah di Perak serta kajian Fatin Faqeriah et.al (2023) berkaitan kefahaman menutup aurat terhadap pelajar Muslimah di Politeknik Mukah.

3.0 Metodologi kajian

Rekabentuk kajian adalah diskriptif dan data dianalisa menggunakan SPSS 25.0 berdasarkan kekerapan, peratusan, dan min. Semua analisis data yang dikumpul melalui soal selidik. Setiap data dikategorikan berdasarkan faktor yang telah dikenal pasti dan dinilai menggunakan kaedah kuantitatif. Penyelidik menggunakan dua metodologi penyelidikan yang berbeza untuk menjalankan kajian ini iaitu kajian lapangan dan penyelidikan perpustakaan. Seramai 108 orang pelajar Politeknik Melaka terlibat sebagai sampel kajian. Manakala item soalselidik didaptasi daripada kajian Asmawati Suhid et.al (2017). Nilai pekali alpha bagi tahap kebolehpercayaan adalah tinggi iaitu 0.942. Semua analisis data berbentuk diskriptif dan dihuraikan oleh pengkaji secara terperinci berdasarkan jadual interpretasi skor seperti di jadual 1 dibawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Min Skor	Tahap
0-2.49	Rendah
2.5-3.49	Sederhana
3.5-5.0	Tinggi

Sumber: Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003)

4.0 Dapatan Kajian

Seramai 108 pelajar Politeknik Melaka telah menyertai kajian ini 53 orang daripadanya adalah lelaki dan 55 orang adalah perempuan. Pelajar yang tinggal di luar bandar mewakili 31.5 peratus daripada responden, manakala peratusan penduduk bandar 68.5 peratus daripada sampel. Berdasarkan pendapatan keluarga, pula purata pendapatan terbesar ialah 57.4 peratus bagi pendapatan RM3000 kebawah, diikuti RM3001-RM7000 dengan 35.2 peratus, dan purata pendapatan terendah ialah 7.4 peratus bagi pendapatan isi rumah RM7000 dan ke atas. Pengkaji menetapkan semua responden adalah beragama Islam kerana melibatkan hal ehwal agama Islam.

Jadual 2: Tahap kefahaman pelajar tentang amalan batas aurat dan pergaulan

Bil	Item	Min	Peratus	Interpretasi
.				
1	Aurat seorang lelaki adalah dari lutut hingga ke pusat	4.92	93.5	Tinggi
2	Aurat seorang perempuan adalah seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan	4.97	97.2	Tinggi
3	Menutup aurat Wajib bagi setiap individu yang muslim yang baligh	4.90	94.4	Tinggi
4	Individu yang membuka aurat adalah berdosa besar	4.83	84.3	Tinggi
5	Kewajipan menutup aurat adalah perintah Allah	4.99	99.1	Tinggi
6	Kewajipan menutup aurat selari dengan peredaran zaman	3.27	50	Sederhana
7	Haram mendedahkan aurat kepada individu bukan Mahram (Halal nikah)	4.82	90.7	Tinggi

Purata Min Keseluruhan=4.67

Jadual 2 menunjukkan bahawa pelajar di Politeknik Melaka mempunyai tahap kefahaman yang tinggi mengenai amalan batas aurat dan pergaulan dengan min keseluruhan 4.67. Item 1 dan 2 dengan skor min tinggi masing-masing 4.92 dan 4.97 bagi pelajar lelaki dan perempuan mengambarkan kesedaran yang tinggi tentang aspek fizikal tubuh yang perlu ditutup dan dijaga. Disamping itu, hampir semua pelajar mengetahui bahawa menutup aurat adalah wajib iaitu 94.4 peratus. Begitu juga pelajar mengetahui hukum haram pendedahan aurat kepada mereka yang bukan mahram iaitu sebanyak 90.7 peratus. Menariknya, kebanyakan murid sedar bahawa menutup aurat adalah amanah Allah untuk dijaga. Hanya sebahagian pelajar

sahaja yang bersetuju bahawa tuntutan wajib menutup aurat walaupun zaman berubah dengan skor min sederhana 3.27. Hal ini kerana hukum dan peraturan Allah ini bersifat kekal dan bersesuaian tanpa mengira masa dan tempat.

Jadual 3: Faktor-faktor yang mempengaruhi amalan batas aurat dalam kalangan pelajar

Bil.	Item	Min	Interpretasi
1	Keluarga	4.78	Tinggi
2	Diri sendiri	4.75	Tinggi
3	Rakan-rakan	4.54	Tinggi
4	Pensyarah	4.46	Tinggi

Purata Min Keseluruhan=4.63

Jadual 3 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan batas aurat dan pergaulan dalam kalangan pelajar Politeknik Melaka berada pada tahap tinggi dengan min keseluruhan 4.63. Faktor pengaruh keluarga paling tinggi dengan min 4.78 diikuti faktor diri sendiri dengan min 4.75. Manakala faktor rakan-rakan dan faktor pensyarah paling rendah dengan min masing-masing 4.54 dan 4.46.

Jadual 4: Faktor keluarga

Bil	Item	Min	Peratus	Interpretasi
.				
1	Ibu bapa/penjaga menyuruh menutup aurat ketika keluar rumah	4.91	90.7	Tinggi
2	Ibu bapa/penjaga saya melarang saya memakai pakaian yang ketat ketika keluar rumah	4.88	90.7	Tinggi
3	Ibu bapa/penjaga saya melarang memakai pakaian yang nipis ketika berada bersama adik-beradik berlainan jantina.	4.68	75	Tinggi
4	Adik beradik saya menutup aurat ketika keluar rumah	4.78	80.6	Tinggi
5	Adik beradik saya menasihati saya untuk memakai pakaian menutup aurat ketika keluar rumah	4.70	76.9	Tinggi
6	Ibu bapa/penjaga memarahi jika saya dan adik beradik menggunakan bahasa lucah	4.81	87	Tinggi
7	Ibu bapa/penjaga menjaga batas pergaulan saya dengan rakan-rakan berlainan jantina	4.82	77.8	Tinggi

Purata Min Keseluruhan=4.78

Berdasarkan jadual 4, Keluarga terutama ibu bapa paling berpengaruh terhadap anak-anak mereka dalam isu batasan aurat ini. Faktor keluarga item seperti ibu bapa menyuruh menutup aurat ketika keluar rumah mencatatkan skor min tertinggi ($\text{min}=4.91$) dan ibu bapa mlarang pelajar memakai pakaian yang ketat ketika keluar rumah ($\text{min}=4.88$) dan mlarang memakai pakaian yang nipis ketika berada bersama adik-beradik berlainan jantina mencatatkan skor terendah ($\text{min}=4.68$).

Jadual 5 :Faktor diri sendiri

Bil	Item	Min	Peratus	Interpretasi
1	Takut berdosa jika mendedahkan aurat dengan sengaja	4.90	89.8	Tinggi
2	Takut dimarahi keluarga jika saya tidak menutup aurat	4.69	73.1	Tinggi
3	Berasa malu jika memakai pakaian yang ketat	4.85	88	Tinggi
4	Tidak selesa memakai pakaian yang nipis ketika keluar rumah	4.88	88.9	Tinggi
5	Tidak selesa jika tidak menutup aurat ketika keluar rumah	4.82	87	Tinggi
6	Tidak selesa mamakai seluar yang mendedahkan peha dan betis	4.90	90.7	Tinggi
7	Malu jika berdua-duaan dengan yang bukan Mahram (lelaki dan perempuan halal nikah)	4.66	75.7	Tinggi
8	Takut dimarahi ibu bapa jika berbual mesra dengan bukan Mahram (lelaki dan perempuan halal nikah)	4.44	59.8	Tinggi
9	Tidak suka menggunakan bahasa lucuah	4.82	90.7	Tinggi

Purata Min Keseluruhan=4.76

Manakala faktor diri sendiri dalam jadual 5, menunjukkan skor min tertinggi adalah takut berdosa jika mendedahkan aurat dan tidak selesa mamakai seluar yang mendedahkan peha dan betis masing-masing dengan $\text{min}=4.90$. Manakala min paling rendah adalah takut dimarahi ibu bapa jika berbual mesra dengan bukan Mahram (lelaki dan perempuan halal nikah) dengan skor min 4.44. Hal ini menunjukkan para pelajar memerlukan bimbingan dan nasihat keluarga dalam mengamalkan batas aurat disamping faktor diri sendiri untuk mengawal tingkah laku supaya berpakaian dengan menutup aurat dan bergaul dalam keadaan yang baik selari dengan syariat Islam.

Jadual 6 menunjukkan bahawa faktor rakan turut mempengaruhi pelajar cara berpakaian menutup aurat dengan sempurna. Item paling tinggi adalah dengan $\text{min}=4.56$ iaitu kawan bersifat prihatin menegur supaya menjaga aurat dihadapan mereka dan tidak memakai pakaian nipis ketika keluar rumah. Manakala item yang paling rendah adalah kawan menegur jika

menaiki kereta berdua-duaan dengan bukan mahram dengan 65.7 peratus yang amat ambil berat perihal rakan-rakan.

Jadual 6 :Faktor rakan-rakan

Bil	Item	Min	Peratus	Interpretasi
.				
1	Kawan menegur saya agar menjaga aurat di hadapannya	4.56	69.4	Tinggi
2	Kawan mengingatkan saya supaya tidak memakai pakaian yang ketat ketika keluar rumah	4.54	67.6	Tinggi
3	Kawan saya menegur saya agar tidak memakai pakaian yang nipis ketika keluar rumah	4.56	69.4	Tinggi
4	Kawan saya sentiasa mengingatkan saya menjaga aurat daripada dilihat oleh yang bukan Mahram	4.55	68.5	Tinggi
5	Kawan menegur saya menaiki kereta berdua-duaan dengan bukan Mahram	4.47	65.7	Tinggi

Purata Min Keseluruhan=4.54

Jadual 7 :Faktor Pensyarah

Bil	Item	Min	Peratus	Interpretasi
.				
1	Pensyarah tidak membenarkan saya hadir ke kuliah jika tidak menutup aurat	4.31	57.9	Tinggi
2	Pensyarah akan mengambil tindakan jika saya hadir ke kuliah dengan tidak menutup aurat	4.44	62.6	Tinggi
3	Pensyarah akan menasihati saya jika tidak menutup aurat	4.47	64.2	Tinggi
4	Pensyarah akan menasihati saya jika mengeluarkan perkataan/bahasa lucah	4.65	72.6	Tinggi
5	Pensyarah akan mengambil tindakan jika saya mengeluarkan perkataan/bahasa lucah ketika di dalam kelas	4.64	68.2	Tinggi

Purata Min Keseluruhan=4.50

Jadual 7 pula menunjukkan faktor pensyarah dalam mempengaruhi pelajar berpakaian menutup aurat adalah sangat baik dengan purata min keseluruhan 4.50. Hal ini menunjukkan pensyarah amat prihatin akan sahsiah para pelajarnya dengan menasihati pelajar jika mengeluarkan perkataan lucah atau bahasa lucah ($\min=4.65$) dan mengambil tindakan jika ada para pelajar yang mengeluarkan perkataan atau bahasa lucah ketika di dalam kelas. Manakala min paling rendah adalah pensyarah tidak membenarkan mereka hadir ke kuliah jika tidak menutup aurat bagi yang muslim.

5.0 Perbincangan

Purata skor min keseluruhan dengan 4.67,dapatkan kajian menunjukkan bahawa para pelajar Politeknik Melaka amat memahami tentang amalan batas aurat mengikut syariat. Ini adalah kesan hasil maklumat yang mudah diakses daripada media massa dan teknologi moden, seperti telefon pintar, yang kebanyakannya digunakan oleh belia terutamanya pelajar Politeknik. Dapatkan kajian adalah selari dengan kajian lain, termasuk yang dijalankan oleh Asmawati Suhid et al. (2013) tentang tahap pengetahuan yang dimiliki pelajar IPTA berkenaan konsep menutup aurat, Roslinda Sabiran (2007) persepsi pelajar darjah khas sekolah agama Bandar Penawar terhadap amalan menutup aurat, Mohd Azlan. (2016), kajian batas aurat dan pergaulan sosial di Kolej Matrikulasi Kedah dan kajian Faiz Shahrin (2018), mengenai tahap kefahaman pelajar tentang menutup aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet sukan sekolah-sekolah di Perak dan kajian Fatin Faqeriah et.al (2023) berkaitan kefahaman menutup aurat terhadap pelajar muslimah di Politeknik Mukah.

Dari segi hukum, kebanyakan pelajar sangat menyedari keperluan mereka untuk menutup aurat, aspek batasan aurat dan hukum berdosa jika mendedahkan aurat. Ini adalah hasil daripada pendedahan awal pendidikan semasa di peringkat sekolah lagi. Para pelajar juga sedar bahawa menutup aurat adalah wajib dan merupakan perintah Allah. Namun begitu, masih ada sebilangan kecil pelajar terus tidak mempedulikan perkara ini dengan memakai pakaian yang mengikut fesyen terkini dengan mengabaikan cara berpakaian sepertimana yang disyaratkan oleh syariat agama.

Secara keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar memiliki asas agama yang kukuh, seperti yang dilihat melalui kefahaman mereka terhadap perintah menutup aurat secara sempurna mengikut syariat Islam.Pelajar juga memahami bahawa memakai pakaian yang menutup aurat adalah petanda akhlak muslim yang baik. Hasil kajian ini selari dengan kajian Nor Azliza Sharif (2005), yang menegaskan bahawa keperibadian luaran seseorang individu hendaklah menutup aurat terlebih dahulu, dan kajian Abdullah dan Norliza (2010), sekiranya aurat seseorang tertutup maka akhlak akan terpelihara.Oleh itu dapat disimpulkan bahawa akhlak seseorang itu akan dapat diketahui melalui cara berpakaian seseorang dan seterus menjadi lambang keperibadian hidup muslim tersebut.Manakala faktor yang paling tinggi dalam mempengaruhi amalan batas aurat dan pergaulan pelajar Politeknik Melaka adalah faktor keluarga.

Hal ini menunjukkan keluarga responden mengambil peranan sebagai orang yang menasihati dan mendedahkan anak-anak mereka kepada amalan batas aurat seperti menyuruh menutup aurat ketika keluar rumah,melarang memakai pakaian yang ketat ketika keluar rumah,melarang memakai pakaian yang nipis ketika berada bersama adik beradik berlainan jantina dan adik beradik menasihati untuk memakai pakaian menutup aurat ketika keluar rumah.Kajian ini adalah selari dengan kajian Nur Izzah dan `Adawiyah,(2018) dan kajian Faiz Syahrin (2018).Selain itu,faktor diri sendiri juga amat berpengaruh dalam menentukan sama ada ingin beradab di

hadapan mahram atau sentiasa mengamalkan amalan menjaga batas aurat dengan bukan mahram.Oleh itu dapat dirumuskan dalam kajian ini majoriti pelajar mengamalkan amalan batas aurat yang baik disebabkan oleh faktor keluarga dan diri sendiri termasuklah faktor rakan-rakan dan pensyarah di Institusi.

6.0 Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, kebanyakan pelajar memahami konsep menutup aurat dan hukum hakam berkaitan denganya. Mereka mempraktikkannya walaupun di luar solat, majoriti mereka menyedari bahawa ini adalah perintah Allah. Namun, masih wujud segelintir pelajar tidak mengambil berat dan ada yang keliru bagaimana cara menutup aurat dengan sempurna.Faktor ibu bapa dan diri sendiri merupakan faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi pelajar dalam hal ini.Cadangan supaya dilaksanakan penerangan,tazkirah dan diskusi ilmu khusus berkaitan isu ini perlu dibuat lebih kerap termasuklah edaran e-poster di media sosial.Justeru,semua pihak termasuk pengurusan dan pensyarah di Politeknik perlu memikirkan bagaimana cara agar pelajar khususnya dan umat islam amnya sentiasa mengamalkan amalan menutup aurat yang bertepatan dengan syariat Islam dan kekal istiqamah dalam melaksanakan perintah Allah ini dan berusaha menjadi muslim dan mukmin yang sejati dan diredaya olehnya.

Rujukan

- Abdul Ghafar, M. N. (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. *Universiti Teknologi Malaysia: Penerbit UTM*.
- Abdullah, M. (1996). Al Iman Dan Islam, Al-Hidayah Publisher.
- Amru, M. A. A. (2009). Pakaian Dan Perhiasan Dalam Syariat Islam (Ter: Mohd Nasirbdullah).
- Faiz Syahrin, A. M. (2018). *Penjagaan aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet murid Sekolah Sukan Negeri Perak/Faiz Syahrin Abdul Muin* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Makram. Lisan al-Arab. Beirut: Dar Sadir, 1994
- Ismail, P. (2004). Aurat Wanita: Konsep dan Hukum Mengenainya. *Jurnal Syariah*, 12(1), 21-42.
- Jainudin, N.'I dan, Ismail, A. (2018) *Faktor pengetahuan amalan batas aurat dan pergaulan remaja perempuan SMK Titingan Tawau Sabah*. Jurnal Hadhari, 10 (2). pp. 141-158. ISSN 1985-6830.
- Marsib, M.A et.al,(2021).Buku Peraturan dan panduan Am pelajar PSIS:Politeknik Sultan Idris Shah, Sg Lang Sg Air Tawar
- Mat, M. Z. A., Ahmad, Z. Z. Z., & Sawari, S. S. M. (2017). Kaedah Meningkatkan Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 1(
- Md Saad, M.A, (2016) *Pemahaman pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap batas aurat dan pergaulan sosial: kajian di Kolej Matrikulasi Kedah*. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.

Tahap Kefahaman dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Batas Aurat dan
Pergaulan Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Melaka

- Mohd Yusof,F.dan Muhammad, N.A (2010), Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan dan Pengamalan di Kalangan Masyarakat. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia
- Omar, F.F.,Bakar,F. H. A., & Seron,L. (2023). Kefahaman Pelajar Muslimah Terhadap Kewajipan Menutup Aurat Di Politeknik Mukah. *Jurnal'Ulwan*, 8(1), 47-59.
- Sabiran, R. (2007). Persepsi pelajar darjah khas sekolah agama banda penawar terhadap amalan menutup aurat. *Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda*.
- Sharif, Z., & Mohamad Roslan, N. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(7), 115-140.
- Saad, K. B. M. (2023).*Pengamalan Pelajar Wanita Islam Dalam Fiqh Aurat*:Satu Kajian Di Politeknik Perlis, Malaysia.
- Shariff, N. A. (2005). Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat: Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindutrian, Johor Bahru. *Kertas Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia*.
- Suhid, A. (2017). Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(1).
- Suhid, A. (2009). Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam. Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.